



Pendaftaran No: 321

**PERATURAN-PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG  
KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**PERATURAN 1: NAMA DAN PEJABAT BERDAFTAR**

1. Kesatuan sekerja yang ditubuhkan di bawah peraturan-peraturan ini akan dikenali sebagai Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (selepas ini ia akan dirujuk sebagai Kesatuan).
2. Pejabat berdaftar dan tempat mesyuarat mesti diadakan di 30-B, Jalan Padang Belia, 50470 Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis Mesyuarat.

**PERATURAN 2: TUJUAN**

1. Matlamat kesatuan ialah:—
  - (a) Melindungi organisasi lengkap di atas semua wartawan profesional dan bekerja, yang tempat bertugasnya ialah dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan untuk meningkatkan minat ahli-ahlinya dalam bidang industri, sosial dan pendidikan.
  - (b) Untuk mempertahankan kebebasan akhbar; untuk berunding secara profesional dengan ahli-ahlinya; untuk memelihara keadilan ahli-ahli dan kadar gaji yang lebih teratur; keselamatan, pelantikan dan masa serta kerja yang berpatutan; dan untuk menyediakan nasihat dan bimbingan yang sepatutnya.
2. Untuk mendapatkan dan mengekalkan keadilan bagi ahli-ahli dengan menerima bayaran yang munasabah, keselamatan pekerjaan dan waktu serta keadaan kerja yang baik dan, memberi nasihat dan bantuan sepatutnya.
3. Untuk mengawal hubungan antara majikan dan pekerja; antara ahli dengan ahli; dan antara ahli dengan lain-lain pekerja dan untuk mengatur sebarang perbezaan antara mereka melalui pendekatan mesra dan perdamaian.
4. Untuk melanjutkan, secara kewangan atau sebaliknya tugas atau tujuan sebarang pertubuhan atau badan yang sah di sisi undang-undang yang bermatlamat meningkatkan kepentingan pekerja kesatuan-kesatuan sekerja dan ahli kesatuan sekerja, tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 50, Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.
5. Untuk mempertingkatkan kebajikan kebendaan, sosial dan pekerjaan ahli-ahlinya dalam sebarang cara yang sah yang mana dirasakan oleh persidangan perwakilan atau majlis mesyuarat sebagai penting.
6. Untuk menyediakan, jika ditentukan oleh Majlis Mesyuarat, bimbingan yang sah kepada ahli-ahli berkaitan dengan pekerjaan.
7. Untuk menyediakan, jika ditentukan oleh Majlis Mesyuarat, kemudahan seumpama itu sebagai gaji penindasan dan gaji pembantahan.
8. Untuk mempertingkatkan pembentukan undang-undang yang mempengaruhi minat ahli-ahlinya khasnya atau kesatuan-kesatuan sekerja amnya.
9. Untuk memikul tanggungjawab, jika ditentukan oleh Persidangan Perwakilan, penyuntingan, penerbitan dan pendedaran sebarang jurnal, majalah, lampiran berita atau lain-lain bahan sastera cetak untuk matlamat-matlamat kesatuan akan datang atau mempertingkatkan minat ahli-ahlinya.

10. Untuk mewujudkan, jika dicadangkan oleh Persidangan Perwakilan tabung kemudahan dan untuk merangka peraturan merangkumi tabung seumpama itu. Peraturan-peraturan ini tidak akan dilaksanakan sehingga ia didaftarkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

11. Keseluruhannya untuk membuat sebarang tugas yang dibenarkan oleh undang-undang matlamat-matlamat ini akan diperkenalkan mengikut peraturan-peraturan dan Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.

### **PERATURAN 3: KEAHLIAN**

1. (a) Keahlian kesatuan akan dibuka kepada semua wartawan yang bekerja dan profesional yang berumur 18 tahun ke atas, yang tempat bertugas mereka ialah dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, dengan syarat tidak ada wartawan yang dilantik oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam keahlian melainkan sebagai ahli bersekutu, untuk tujuan peraturan-peraturan ini. Wartawan yang bekerja dan profesional juga termasuk jurugambar atau pelukis kreatif yang bertugas di akhbar, majalah atau agensi berita, yang menjadi ahli kakitangan kewartawanan dan yang bergantung keseluruhannya di atas tugas kewartawanan mereka, dengan syarat mereka bukan orang-orang yang memiliki atau pengarah-pengarah atau menggunakan kuasa majikan dalam pelantikan dan pemberhentian wartawan.

(b) Keahlian kesatuan akan juga dibuka kepada semua wartawan yang bekerja dan profesional yang dilantik oleh media, televisyen, Kerajaan luar negeri, organisasi filem, filem perdagangan portal berita, television satelit dan -lain-lain bidang yang sama yang diberi pengiktirafan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan yang tempat bertugas mereka di dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

2 (a) Keahlian bersekutu akan dibuka kepada semua wartawan yang bekerja dan profesional yang mempunyai kuasa majikan-majikan dalam pelantikan dan pembuangan wartawan, dan wartawan yang dilantik di atas jangka sementara oleh organisasi dan pertubuhan yang dikeluarkan dalam 1 (a) dan 1 (b) di atas.

(b) Keahlian bersekutu akan juga dibuka kepada wartawan bekerja dan profesional yang dilantik oleh Kerajaan.

(c) Keahlian bersekutu tidak layak untuk memegang jawatan dalam kesatuan, atau mengundi di sebarang mesyuarat.

3. Seseorang yang di bawah umur 21 tahun tidak akan menjadi seorang pegawai atau seorang yang diamanahkan oleh Kesatuan.

4. Permohonan untuk keahlian akan dibuat di atas satu borang yang akan dikeluarkan oleh Kesatuan dan akan dimajukan ke Setiausaha Cawangan atau dalam perkara permohonan untuk keahlian bersekutu kepada Setiausaha Agung yang akan mengemukakan kepada Majlis Mesyuarat untuk diluluskan. Majlis Mesyuarat, atas budi bicaranya berhak menolak sebarang permohonan tanpa memberikan sebarang sebab.

5. Setiap permohonan yang diluluskan oleh mesyuarat akan, di atas bayaran seperti dinyatakan dalam yuran kemasukan dan langganan bulanan pertama, didaftarkan dalam pendaftaran keahlian sebagai ahli dan disediakan dengan satu salinan peraturan-peraturan Kesatuan dengan percuma.

6. Sebarang orang yang menjadi ahli untuk melibatkan diri atau bertugas seperti disebutkan dalam peraturan 3 (1) akan seterusnya berhenti menjadi ahli kesatuan dan namanya akan dikeluarkan dari pendaftaran keahlian.

## **PERATURAN 4: YURAN DAN TUNGGAKAN**

1. Bayaran langganan adalah seperti berikut:—

**353/6/2024(1)**

Yuran kemasukan	RM20.00
Yuran bulanan untuk ahli	RM15.00
Untuk ahli bersekutu	RM10.00

sebarang kenaikan dalam yuran di atas akan ditentukan oleh undian rahsia menurut peraturan 25.

2. Semua yuran bulanan akan dibayar dalam hari kerja pertama setiap bulan.

3. Sebarang ahli yang tidak menjelaskan yuran selama 3 bulan yakni dalam tunggakan seterusnya dilucutkan dari menjadi ahli Kesatuan dan tidak meneruskan semua minat Kesatuan dan namanya akan dimansuhkan dari pendaftaran keahlian.

4. Sebarang ahli yang keahliannya diberhentikan atas syarat tunggakan boleh memohon untuk kemasukan semula sebagai seorang ahli baru seperti mana mengikut peraturan 3.

5. Majlis Mesyuarat akan mempunyai kuasa untuk menetapkan pengurangan kadar yuran untuk ahli-ahli atau mengecualikan ahli-ahli sementara dari membayarnya dan menolaknya mengikut undang-undang (jika ada) dalam kes pengangguran, penyakit dan lain-lain kesusahan yang benar.

## **PERATURAN 5: PEMBERHENTIAN**

Sebarang ahli yang ingin berhenti dari kesatuan hendaklah sekurang-kurangnya memberi satu minggu notis dengan menulis kepada Setiausaha Cawangan atau dalam kes ahli-ahli bersekutu kepada Setiausaha Agung dan akan membayar semua bayaran.

## **PERATURAN 6: HAK-HAK AHLI**

Kecuali yang telah disediakan dalam peraturan, semua ahli Kesatuan mempunyai hak yang sama dalam Kesatuan.

## **PERATURAN 7: TUGAS-TUGAS AHLI**

1. Adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli untuk melihat bahawa yuran bulanan sentiasa dibayar dan resit-resit untuk mereka diperolehi. Tanggungjawab memastikan bayaran dibuat mengikut masa, terletak pada ahli-ahli dan bukan pada sebarang pegawai Kesatuan itu.

2. Adalah menjadi tanggungjawab ahli untuk memberitahu Setiausaha Cawangan dengan segera tentang sebarang pertukaran alamat atau tempat bertugas.

3. Sebarang ahli yang hadir di mesyuarat atau menggunakan kawasan Kesatuan mestilah berkelakuan baik, jika tidak dia akan diarahkan meninggalkan tempat itu oleh sebarang pegawai yang bertanggungjawab dalam Kesatuan.

4. Tidak ada dokumen atau risalah mengenai Kesatuan harus dikeluarkan oleh sebarang ahli, kecuali dengan kelulusan dari Majlis Eksekutif dan ahli-ahli tidak dibenarkan membocor rahsia atau urusan Kesatuan kepada yang bukan ahli atau kepada pihak akhbar tanpa kebenaran.

5. Sebarang ahli kesatuan ini tidak dibenarkan menjadi ahli kesatuan sekerja yang lain kecuali dengan kebenaran Majlis Mesyuarat.

## **PERATURAN 8: UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN**

1. Kuasa utama Kesatuan dan cawangan-cawangannya terletak pada persidangan perwakilan dan dalam mesyuarat cawangan kecuali berkaitan perkara-perkara di mana cadangan akan diambil hanya melalui undian rahsia mengikut peraturan 25.
2. Bergantung pada kandungan berikutnya, Kesatuan akan diurus tadbir oleh Majlis Mesyuarat dan cawangan-cawangan akan diurus tadbir oleh jawatankuasa cawangan.

## **PERATURAN 9: PERSIDANGAN DELEGASI DWI-TAHUNAN**

1. Persidangan Perwakilan Dwi-Tahunan Kesatuan mesti diadakan secepat mungkin selepas 30 Jun dan tidak lewat daripada 30 September dari tahun berikutnya. Tarikh, masa dan tempat persidangan itu mesti ditentukan oleh Majlis Mesyuarat.
2. Persidangan Perwakilan Dwi-Tahunan mesti mengandungi perwakilan-perwakilan yang dilantik oleh cawangan-cawangan dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat.
3. Perwakilan mesti dipilih melalui undian rahsia setiap tahun berikutnya di Persidangan Am Tahunan di cawangan-cawangan yang ditetapkan. Setiap cawangan layak memilih dua perwakilan untuk **20** ahli pertama atau sebahagian, dan seorang perwakilan tambahan untuk setiap **25** ahli lebih dan di atas **20** ahli, dengan syarat jumlah bilangan perwakilan tidak akan melebihi 10 orang bagi setiap cawangan. 'Ahli-ahli' bermakna mereka yang layak mengundi semasa pemilihan perwakilan.
4. Tiada ahli dari Majlis Mesyuarat harus memilih sebagai seorang perwakilan.
5. Hanya perwakilan sahaja yang layak mengundi di persidangan perwakilan, tetapi pengerusi persidangan mempunyai satu undi. Persidangan itu boleh merangka 'Perintah Tetap' (*standing orders*) mengawal peraturan mesyuarat untuk semua persidangan perwakilan dan merangka cara mana undian harus dijalankan.
6. Satu notis mengenai persidangan perwakilan tahunan menyatakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat dan meminta usul-usul untuk dibincangkan di persidangan (termasuk usul meminda Peraturan-peraturan), pencalonan bagi pemilihan ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan nama-nama perwakilan, mestilah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada semua setiausaha cawangan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk persidangan.
7. Setiap Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya 15 hari sebelum persidangan perwakilan nama-nama perwakilan yang dipilih oleh cawangannya, pencalonan untuk pilihanraya ahli-ahli Majlis Eksekutif dan usul-usul (jika ada) untuk perbincangan di persidangan itu. Semua pencalonan akan dibuat di atas sebuah borang yang dikeluarkan oleh Kesatuan dan akan meliputi butir-butir berikut; Nama pejabat yang bertanding, nama calon, nombor pendaftaran kebangsaan, kad pengenalan, umur, alamat, pekerjaan, nombor sijil kerakyatan persekutuan (jika ada) dan jumlah masa dilantik bertugas atau bekerja seperti mana dinyatakan dalam peraturan.
  - 3 (1). Tiada pencalonan akan disahkan kecuali (a) ianya di-tandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang menjadi ahli-ahli yang diberi keutamaan dan (b) ia mengandungi persetujuan calon untuk bertanding. Semua borang pencalonan mesti dihantar kepada Setiausaha Agung di dalam sampul surat yang ditutup rapi. Hanya Setiausaha Agung sahaja yang diberi kuasa untuk membuka sampul surat tersebut di waktu pencalonan ditutup. Pembukaan itu akan disaksikan oleh Jemaah Pemeriksa.
  - 7(A). Dalam keadaan apabila perwakilan yang dipilih tidak dapat menghadiri Persidangan Delegasi Dwi-Tahunan atas kejadian di luar jangkaan, jawatankuasa cawangan boleh melantik pengganti dan turut memaklumkan kepada Setiausaha Agung. **353/2/2010(1)-(2)**

8. Setiausaha Agung akan menghantar kepada Setiausaha-setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum persidangan satu agenda termasuk pergerakan, salinan laporan dan akaun (jika ada) dan nombor yang diperlukan dalam kertas-kertas undi dan sampul surat seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 25 pilihanraya, ahli majlis eksekutif dan berkaitan dengan lain-lain urusan yang akan ditentukan oleh undi rahsia. Setiausaha-setiausaha Cawangan akan membahagi-bahagikan kertas-kertas undi dan sampul surat kepada ahli-ahli tersebut mengikut cawangan masing-masing yang layak mengundi.

9. Satu korum akan dipertimbangkan sebagai yang telah ditubuhkan jika perwakilan yang hadir tidak kira jumlahnya, mewakili lebih dari setengah jumlah sepenuh cawangan-cawangan kesatuan.

10. Jika satu korum tidak cukup sejam selepas masa yang ditentukan, persidangan itu akan ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak melebihi 30 hari) yang akan ditetapkan oleh Majlis Eksekutif.

11. Jika satu korum tidak ada, sejam selepas masa yang ditetapkan untuk persidangan yang ditangguhkan, ahli-ahli yang hadir mempunyai kuasa untuk melanjutkan urusan hari itu tetapi mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengubah peraturan Kesatuan.

12. Urusan persidangan perwakilan tahunan ialah menerima laporan-laporan dari Ketua Setiausaha, Bendahari dan Majlis Eksekutif; untuk menimbang dan menentukan semua perkara berkenaan dengan kebajikan ahli-ahli dan kemajuan Kesatuan; melantik Pemegang Amanah jika perlu, Audit Dalaman, dan Pemeriksa; menimbang dan menentukan semua perkara termasuk agenda, dan menerima laporan Pemeriksa mengenai undian yang diambil untuk pemilihan Majlis Eksekutif.

13. Setiausaha Agung akan memajukan kepada Setiausaha Cawangan satu salinan draf minit Persidangan Perwakilan Tahunan secepat mungkin selepas tamat persidangan.

#### **PERATURAN 10: PERSIDANGAN PERWAKILAN TERGEMPAR**

1. Satu Persidangan Perwakilan Tergempar akan dibuat:

(a) Bila dirasakan perlu oleh Majlis Eksekutif atau :

(b) dengan permintaan bersama dengan cara bertulis oleh jawatankuasa cawangan sebanyak dua atau lebih yang dapat mewakili sekurang-kurangnya satu perempat dari jumlah keahlian kesatuan itu, menyatakan tujuan dan sebab persidangan diadakan.

2. Persidangan Perwakilan Tergempar yang diadakan oleh cawangan-cawangan akan diadakan 30 hari tempoh penerimaan persidangan itu.

3. Notis dan agenda Persidangan Perwakilan Tergempar itu akan dikemukakan oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh persidangan itu ditetapkan.

4. Peruntukan dalam Peraturan 9 mengenai perlembagaan, korum dan penangguhan Persidangan Perwakilan Tahunan boleh juga digunakan untuk persidangan perwakilan tergempar, tetapi dengan sebab korum tidak mencukupi sejam selepas masa ditetapkan bagi penangguhan persidangan perwakilan tergempar diambil oleh cawangan-cawangan, persidangan akan dibatalkan dan tidak ada persidangan perwakilan tergempar akan diadakan untuk maksud yang sama sehingga enam bulan dari tarikh tersebut.

5. Setiausaha Agung akan mengemukakan kepada Setiausaha-setiausaha Cawangan satu salinan minit Persidangan Perwakilan Tergempar secepat mungkin selepas tamat persidangan itu.

6. Jika Persidangan Perwakilan tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan dalam Peraturan 9, Persidangan Perwakilan mempunyai kuasa menjalankan fungsi-fungsi yang biasanya dijalankan oleh Persidangan Perwakilan Tahunan.

## **PERATURAN 11: PEGAWAI-PEGAWAI DAN PEKERJA-PEKERJA**

1. Seorang pegawai Kesatuan bererti sebarang ahli Majlis Eksekutif atau sebarang Jawatankuasa Cawangan Kesatuan, tetapi tidak termasuk Juru Audit.
2. Tidak sesiapa pun akan dipilih atau bertindak sebagai seorang pegawai Kesatuan jika:-
  - (a) dia bukan seorang ahli Kesatuan; atau
  - (b) dia di bawah usia 21 tahun; atau
  - (c) dia bukan seorang warganegara Malaysia; atau
  - (d) **dipadamkan** **353/2/2010(1)-(2)**
  - (e) dia menjadi eksekutif kesatuan sekerja yang lain yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah peruntukan perenggan (iv) atau perenggan (vi) atau cerai (1)(b) bahagian 15 Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, atau Enakmen yang tertera dalam bahagian 79; atau
  - (f) dia telah didapati bersalah oleh sebuah mahkamah undang-undang kerana kesalahan pecah amanah, pemerasan atau ugutan, atau sebarang kesalahan yang pada pendapat Pendaftar Kesatuan Sekerja pendapatnya tidak layak menjadi pegawai sesebuah kesatuan sekerja atau
  - (g) dia adalah seorang pegawai atau pekerja sebuah parti politik.
3. Berdasarkan kelulusan persidangan perwakilan, Majlis Eksekutif mempunyai kuasa mengambil bekerja beberapa orang jika perlu dengan syarat pekerja-pekerja itu tidak akan dilantik sebagai pegawai kesatuan (melainkan dia dikecualikan di bawah peruntukan Seksyen 30 Ordinan Kesatuan Sekerja) atau bertindak seolah-olah dia telah diberi kepercayaan menyelenggarakan hal ehwal kesatuan. Dengan syarat selanjutnya tidak ada sesiapa akan diambil bertugas jika:—
  - (a) bukan seorang warganegara Malaysia; atau
  - (b) telah didapati bersalah oleh mahkamah undang-undang atas kesalahan dan tidak mendapat pengampunan dan dalam pendapat Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak layak diambil bertugas oleh kesatuan atau
  - (c) seorang pegawai atau pekerja kesatuan sekerja yang lain; atau
  - (d) seorang pegawai atau pekerja sebuah parti politik

## **PERATURAN 12: MAJLIS EKSEKUTIF**

1. Pentadbiran Kesatuan dan penyelenggaraan perjalanannya, termasuk sebarang pertelingkahan perusahaan, dalam jangka masa antara persidangan perwakilan terletak pada Majlis Eksekutif.
2. Majlis Eksekutif mengandungi:-

seorang Presiden dua Naib Presiden seorang Setiausaha Agung dua Penolong Setiausaha Agung seorang Bendahari Agung seorang <b>Timbalan Bendahari Agung</b>	}	Yang diistilahkan ‘Pegawai Utama Kesatuan yang akan dipilih setiap 2 tahun melalui undi rahsia oleh seluruh ahli-ahli, dengan kuasa yang diberikan di bawah dan <b>353/2/2010(1)-(2)</b>
--	---	--

Seorang Wakil dari setiap cawangan dengan mengikut kedudukan: Setiausaha Cawangan, Pengerusi Cawangan, Bendahari Cawangan, Jawatankuasa Cawangan Ahli-ahli

Jawatankuasa Cawangan mengikut undi yang didapati pada pemilihan yang terakhir. Pegawai Utama kesatuan tidak boleh memegang jawatan sebagai wakil cawangan. Dengan syarat jika ada sebarang calon untuk jawatan itu tidak ditentang dan pemilihannya telah dibuat mengikut Peraturan 9.7 dia secara automatik dipilih dan namanya akan dikeluarkan dari kertas undi untuk pemilihan pegawai-pegawai. Ahli-ahli dari Majlis Eksekutif mesti memegang jawatan dan satu Persidangan Perwakilan kepada satu yang lain. Bila pertukaran pegawai-pegawai dilakukan, pegawai yang hendak berhenti atau Majlis Eksekutif, mesti dalam tempoh seminggu, menyerahkan kepada pegawai baru atau Majlis Eksekutif semua rekod berkenaan dengan pejabatnya atau pejabat mereka.

3. Majlis Eksekutif akan bertemu sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan, dan setengah dari jumlahnya akan membentuk satu korum. Minit mesyuarat Majlis Eksekutif akan ditetapkan pada mesyuarat yang akan datang.

4. Mesyuarat-mesyuarat Majlis Eksekutif akan dijalankan oleh Setiausaha Agung, di bawah arahan atau dengan persetujuan oleh ahli-ahli lain dalam Majlis Eksekutif akan dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Setiausaha Agung.

5. Bila terdapat sebarang perkara yang memerlukan keputusan secepat mungkin dari Majlis Eksekutif atau yang ditimbulkan oleh perwakilan dan tidak pula membolehkan atau memudahkan untuk mengadakan mesyuarat Majlis Eksekutif tergepar atau Mesyuarat Perwakilan, Setiausaha Agung boleh, dengan persetujuan Presiden mendapatkan keputusan dengan cara surat pekeliling. Syarat-syarat berikut harus dipenuhi sebelum keputusan Majlis Eksekutif atau Perwakilan didapatkan:

(a) isu dan perkara yang dicadangkan perlulah terang dalam setiap surat pekeliling dan salinan hendaklah dikemukakan kepada setiap ahli Majlis Eksekutif atau Perwakilan, bergantung kepada keadaan.

(b) Sekurang-kurangnya setengah dari ahli Majlis Eksekutif atau Perwakilan bergantung kepada keadaan, memberitahu dengan bertulis samada mereka bersetuju atau tidak cadangan ini dan ;

(c) Keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling mesti dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada mesyuarat Majlis Eksekutif seterusnya atau kepada Persidangan Perwakilan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

7. Setiap ahli Majlis Eksekutif yang gagal menghadiri tiga kali Mesyuarat Majlis berturut-turut tidak dibenarkan memegang sebarang jawatan kecuali beliau berjaya mengemukakan keterangan yang munasabah kepada Majlis Eksekutif.

8. Jika seseorang Pegawai, Wakil Perwakilan, Juru Audit Dalaman atau Ahli Jemaah Pemeriksa meninggal dunia, menarik diri atau diberhentikan, tugasnya akan diambil alih oleh calon yang mendapat undi terbanyak di mesyuarat agung tersebut. Si pengganti bagaimanapun mestilah mendapat sekurang-kurangnya satu pertiga dari jumlah undi yang dibuang. Jika tidak ada calon yang memenuhi syarat-syarat tersebut, Majlis Kerja atau Jawatankuasa Cawangan diberi kuasa untuk melantik mana-mana ahli yang difikirkan sesuai untuk memenuhi kekosongan berkenaan.

9. Mengenai peraturan-peraturan kesatuan dan peruntukan Ordinan Kesatuan Buruh 1959, Majlis Eksekutif dibenarkan menggunakan kuasa dan akta yang ada jika perlu demi kebaikan kesatuan dan mencapai tujuannya.

10. Majlis Eksekutif perlu mengawal kewangan Kesatuan dari boros dan perbuatan pecah amanah. Majlis hendaklah mengarahkan Setiausaha Agung atau pegawai-pegawai lain supaya mendakwa pegawai-pegawai, pekerja-pekerja atau ahli yang menyalahgunakan wang atau harta Kesatuan.

11. Majlis Eksekutif perlu memberi arahan kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai Kesatuan bagi menjalankan urusan Kesatuan. Ini bergantung kepada peruntukan

Peraturan 11, perenggan 3 pekerja-pekerja perlu diambil untuk menjalankan tugas pentadbiran harian Kesatuan dengan diberi ganjaran tetap. Majlis dibolehkan menggantung atau memberhentikan pegawai atau pekerja yang lalai menjalankan tugas, tidak jujur, dan tidak mahu menjalankan keputusan Majlis Eksekutif atau disebabkan perkara lain demi untuk kebaikan kesatuan.

12. Majlis perlu memberi arahan kepada Pemegang Amanah atas pelaburan kewangan Kesatuan.

13. Majlis Eksekutif berhak menggantung sebarang kemudahan atau menarik balik keahlian atau tidak memberi sebarang jawatan kepada ahli yang pendapatnya dan kelakuannya bertentangan atau boleh menjatuhkan nama Kesatuan, pegawai-pegawainya atau dasar Kesatuan. Arahan penggantungan, pembuangan atau larangan perlu diterangkan dengan jelas. Jika perlu hendaklah dinyatakan dengan masa yang ditetapkan dan syarat yang akan ditarik. Ahli-ahli yang telah digantung atau ditegah memasuki Kesatuan bagaimanapun boleh mengemukakan permohonan dibawah Peraturan 26.

14. Antara Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan, Majlis Eksekutif perlu memberi tafsiran akan peraturan yang tidak jelas apabila perlu.

15. Kecuali apabila undian secara rahsia diadakan, keputusan Majlis Eksekutif adalah muktamad kepada semua ahli, sehingga dibatalkan oleh Persidangan Perwakilan.

### **PERATURAN 13: TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA**

1. Setiap **Presiden** yang dilantik perlu mempengerusikan semua persidangan perwakilan dan mesyuarat Majlis Eksekutif dan bertanggungjawab atas perjalanan mesyuarat. Beliau mempunyai undi pemutus dan menandatangani minit-minit setiap mesyuarat yang telah diluluskan. Presiden berserta dengan Setiausaha Agung dan Bendahari akan menandatangani semua cek atau nama Kesatuan, mengawasi pentadbiran kesatuan dan bertanggungjawab melindungi tata tertib Kesatuan mereka yang berkenaan.

2. Naib Presiden yang menerima bilangan undi lebih tinggi atau (dalam keadaan tiada pemilihan, Majlis Eksekutif hendaklah melantik) mempunyai kuasa menjalankan tugas ketika ketiadaan Presiden. **353/2/2010(1)-(2)**

3. **Setiausaha Agung** menjalankan urusan kesatuan selaras dengan Peraturan Kesatuan dan menjalankan arahan Persidangan Perwakilan dan Majlis Eksekutif. Beliau dikehendaki mengarah kerja-kerja yang dijalankan oleh kakitangan yang terlibat dengan Kesatuan. Beliau bertanggungjawab atas semua urusan perhubungan dan menyimpan buku-buku dokumen dan kertas-kertas kepunyaan pejabat atas arahan Majlis Eksekutif. Beliau hendaklah menghadiri semua mesyuarat dan mencatatkan segala laporan. Ia perlu menyediakan atau bersedia melaporkan Persidangan Dwi-Tahunan. Beliau pula menyediakan atau bersedia menerima hasil tahunan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Bahagian Pendaftaran Kesatuan Buruh, pada waktu yang ditetapkan. Beliau perlu menyimpan pendaftaran ahli-ahli yang mengandungi nama-nama dan alamat-alamat serta nombor pendaftaran dan tarikh mereka menjadi ahli Kesatuan. Beliau juga dikehendaki menandatangani semua cek bersama Presiden dan Bendahari.

4. Timbalan Setiausaha Agung hendaklah membantu Setiausaha Agung dalam semua kerja-kerja pentadbiran Kesatuan dan Timbalan Setiausaha Agung yang menerima bilangan undi yang lebih tinggi hendaklah memangku tugas semasa ketiadaan Setiausaha Agung. **353/2/2010(1)-(2)**

5. Bendahari Agung bertanggungjawab atas semua wang yang diterima dan dibayar olehnya atas nama Kesatuan dan mempunyai simpanan yang teratur dan kawalan buku akaun seperti yang tercatat di dalam Akta Kesatuan-Kesatuan Buruh 1959. Beliau boleh mengeluarkan resit untuk semua wang yang diterimanya dan pegawai-pegawai lain atau kakitangan Kesatuan di ibu pejabat, tidak boleh menerima wang atau mengeluarkan resit tanpa arahan bertulis dari Presiden dalam setiap masa. Beliau bertanggungjawab atas keselamatan semua buku-buku akaun dan dokumen lain di ibu pejabat dan tidak



dibenarkan mengalihkan semua urusan pejabat tanpa arahan bertulis dari Presiden di setiap masa. Beliau perlu menyediakan keterangan akaun akan semua urusan mesyuarat Majlis Eksekutif dan Persidangan Tahunan Perwakilan. Beliau diperlukan menandatangani semua cek bersama Presiden dan Setiausaha Agung.

**Berhenti disini pg 14-35**

6. Timbalan Bendahari Agung hendaklah membantu Bendahari Agung dalam mengemas kini buku akaun Kesatuan secara teratur dan hendaklah bertindak bagi pihaknya semasa ketiadaan beliau.

#### **PERATURAN 14: PEMEGANG AMANAH**

1. Tiga orang Pemegang Amanah berumur 21 tahun ke atas dan mereka hendaklah bukan Setiausaha Agung atau Bendahari Kesatuan dan dilantik semasa Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan pertama dan memegang jawatan atas kehendak Kesatuan. Mereka perlulah diberi kuasa atas hak Kesatuan dan menjalankannya atas arahan Majlis Eksekutif.

2. Pemegang-pemegang Amanah tidak boleh menjual, mengeluarkan atau memindahkan harta Kesatuan tanpa pengetahuan dan kuasa Majlis Eksekutif secara bertulis oleh Setiausaha Agung dan Bendahari.

3. Setiap Pemegang Amanah akan disingkirkan dari jawatan oleh Majlis Eksekutif atas sebab kesihatan, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau sebab-sebab lain yang membuatnya tidak boleh menjalankan tugas atau tidak dapat menjalankannya dengan memuaskan. Atas sebab kematian, penarikan diri atau diberhentikan sebelum Persidangan Tahunan Perwakilan, kekosongan akan dilantik oleh Majlis Eksekutif.

**353/2/2010(1)-(2)**

4. Persidangan Tahunan Perwakilan boleh melantik seorang Pemegang Amanah untuk kepercayaan Kesatuan seperti yang diterangkan di bawah Ordinan Amanah Syarikat, 1949, atau sebarang undang-undang bertulis, untuk tujuan ini di Semenanjung Malaysia dan ketika lantikannya telah berpandukan kepercayaan Kesatuan yang terdapat dalam syarikat itu.

#### **PERATURAN 15: JURU AUDIT DALAMAN**

1. Dua orang Juru Audit Dalaman yang bukan ahli Majlis Eksekutif perlu dipilih dengan cara mengangkat tangan terbuka di Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan. Mereka perlu memeriksa akaun Kesatuan setiap hujung suku tahunan dan menghantar laporannya kepada Setiausaha Agung yang akan mengedarkannya kepada setiap ahli Majlis Eksekutif dalam tempoh 14 hari.

2. Buku-buku dan akaun Kesatuan perlu diperiksa oleh dua orang Juru Audit Dalaman dan mereka boleh mempunyai buku-buku dan dokumen tambahan bagi menyiapkan semua kerja.

3. Setiap ahli boleh membuat aduan secara bertulis kepada Juru Audit Dalaman jika mereka mengetahui berlaku penyelewengan kewangan.

15(4) Atas sebab kematian, penarikan diri atau diberhentikan sebelum Persidangan Tahunan Perwakilan, kekosongan akan dilantik oleh Majlis Eksekutif **53/2/2010(1)-(2)**.

#### **PERATURAN 16: AUDIT UMUM**

1. Akaun-akaun umum Kesatuan hendaklah diperiksa oleh Akauntan yang bertauliah atau oleh mereka yang layak disahkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja disahkan oleh perisytiharan, oleh undang-undang. Pemeriksaan hendaklah dibuat secepat mungkin di akhir tahun kewangan, iaitu 31 Mac dan disiapkan sebelum 31 Mei. Juru Audit boleh mempunyai kemudahan buku-buku dan dokumen-dokumen yang sepatutnya bagi menyiapkan kira-kira ini.

2. Laporan juru audit akan diserahkan pada Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan dan satu salinan perlu dikirim kepada semua ahli Kesatuan sebelum persidangan itu bermula.

#### **PERATURAN 17: PEMERIKSA KERTAS UNDI**

17(1) Lima ahli panel pemeriksa kertas undi yang bukan pegawai Kesatuan atau calon-calon bagi jawatan Kesatuan dan tinggal berhampiran dengan ibu pejabat Kesatuan hendaklah dipilih dengan cara mengangkat tangan di Persidangan Tahunan Perwakilan untuk mengesahkan undi yang dihantar oleh Setiausaha-Setiausaha Cawangan dan diserahkan kepada Majlis Eksekutif dengan ditandatangani kenyataan keputusan akhir pengundian itu seperti yang terdapat dalam Peraturan Kesatuan Sekerja 1959.

353/2/2010(1)-(2)

17(2) Atas sebab kematian, penarikan diri atau diberhentikan sebelum Persidangan Tahunan Perwakilan, kekosongan akan dilantik oleh Majlis Eksekutif.

353/2/2010(1)-(2)

#### **PERATURAN 18: GAJI DAN BAYARAN-BAYARAN LAIN**

1. Gaji-gaji pegawai-pegawai sepenuh masa hendaklah ditentukan jika perlu oleh Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan atau oleh Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Cawangan mengikut keadaan.

2. Pegawai-pegawai yang membuat kerja lebih masa untuk Kesatuan dibenarkan dibayar ganjaran. Jumlahnya ditetapkan oleh Persidangan Tahunan Perwakilan atau Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan mengikut keadaan.

3. Pegawai-pegawai dan perwakilan Kesatuan yang lain juga atas kebenaran Majlis Eksekutif atau Jawatankuasa Cawangan boleh membayar sebarang pampasan atau kerugian yang ditanggung ketika menjalankan urusan Kesatuan. Mereka dikehendaki menyerahkan penyata perbelanjaan kepada Majlis Eksekutif atau Jawatankuasa Cawangan dengan dilampirkan bersama semua resit dan kenyataan yang bersangkutan. Bayaran tertinggi pembayaran dan perbelanjaan seperti yang diterangkan pada perenggan ini ditentukan dari semasa ke semasa oleh Persidangan Perwakilan atau Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan dan Majlis Eksekutif atau Jawatankuasa Cawangan tidak boleh meluluskan tuntutan yang melebihi seperti yang telah ditentukan.

#### **PERATURAN 19: KEWANGAN DAN KIRA-KIRA**

1. Kewangan Kesatuan boleh diperkembangkan di atas sebab-sebab di bawah ini:-

(a) Pembayaran gaji, elaun dan perbelanjaan kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Kesatuan.

(b) Pembayaran khas dan perbelanjaan pentadbiran Kesatuan termasuklah audit kira-kira kewangan Kesatuan.

(c) Dakwaan atas perbelanjaan bagi mana-mana perjalanan undang-undang yang mana Kesatuan atau sebarang ahli adalah ahli kumpulan, apabila sesuatu dakwaan atau pembelaan dibuat atas tujuan keselamatan atau perlindungan bagi sesuatu hak Kesatuan atau sebarang hak yang timbul akibat per- hubungan antara ahli dengan majikannya.

(d) Kelakuan/perlakuan, pertelingkahan perusahaan yang timbul bagi pihak Kesatuan atau sebarang ahli yang sah dan bantuan bagi memanjangkan pertelingkahan perusahaan bagi Kesatuan buruh yang berdaftar ataupun dari sebarang ahli yang sah.

(e) Wang **pampasan** patut diberi kepada ahli yang mengalami kerugian akibat pertelingkahan perusahaan.

(f) Elaun-elaun yang diberi kepada ahli atau penama bagi sesuatu kematian, tua, berumur, jatuh sakit, kemalangan atau menganggur oleh ahli tersebut.

(g) Pembayaran bagi yuran kemasukan ke dalam persekutuan badan buruh, Majlis Kesatuan Buruh dan Penyelaras Kesatuan Buruh atau badan penasihat yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Semenanjung Malaysia dan lain-lain persatuan atau pertubuhan yang ditubuhkan di luar Semenanjung Malaysia bahawa dari satu masa ke satu masa diluluskan/disahkan oleh Menteri Sumber Manusia

**353/2/2010(1)-(2)**

(h) Pembayaran-pembayaran:-

(i) Kesemua tambang keretapi, lain-lain keperluan perbelanjaan pengangkutan, belanja tempat tinggal dan penginapan, yang dibantu oleh baucer, ataupun seberapa jumlah yang ditetapkan oleh Kesatuan.

(ii) Sesuatu jumlah dari gaji yang sebenar yang hilang dari perwakilan Kesatuan yang menghadiri perjumpaan berkaitan dengan meninggikan Perhubungan Perusahaan.

(iii) Perbelanjaan bagi tujuan penubuhan atau penyelenggaraan sebarang penyelaras Kesatuan buruh yang berperaturan atau badan penasihat.

(i) Penyuntingan, percetakan, penerbitan dan pengedaran sesuatu makalah, majalah, risalah atau mana-mana risalah bercetak diterbitkan oleh Kesatuan bagi faedah pencapaian tujuan atau meningkatkan minat ahli-ahli bersangkutan dengan tujuan dan peraturan yang didaftarkan.

(j) Pembayaran yuran kemasukan bagi kebudayaan dan peraturan perbelanjaan yang berdaftar di bawah sesuatu undang-undang bertulis dalam Semenanjung Malaysia dan juga lain-lain persatuan atau pertubuhan yang ditubuh di luar Semenanjung Malaysia yang dari semasa ke semasa diluluskan oleh Menteri Sumber Manusia.

**353/2/2010(1)-(2)**

(k) Kegiatan sosial, bersukan, pelajaran dan aktiviti amal ahli-ahli.

(l) Pertukaran bangunan bagi tujuan perniagaan Kesatuan.

2. Sumber kewangan Kesatuan sepatutnya tidak perlu dipohon secara terus atau tidak bagi bayaran kesemua atau sebahagian dari derma atau penalti, dikenakan terhadap seseorang melalui dijatuhkan hukuman atau perintah mahkamah.

3. Kesemua wang milik Kesatuan dan yang mana tidak dikehendaki bagi disahkan perbelanjaan sesuatu masa hendaklah disimpan di bank oleh Bendahari Agung, atau Bendahari Cawangan. Sekiranya timbul sesuatu kes, dalam masa tujuh hari penerimaan dibank diluluskan oleh Majlis Eksekutif, kira-kira bank mestilah di bawah nama Kesatuan dan segala butir-butir bank mestilah dibawa/tunjukkan kepada Pendaftar Kesatuan Buruh.

4. Semua cek atau wang keluar dari kira-kira Kesatuan perlu di tandatangani bersama oleh Presiden (atau ketika ketiadaannya oleh Naib Presiden), Setiausaha Agung (atau ketika ketiadaannya Penolong Setiausaha Agung) dan Bendahari Agung. Jika Bendahari Agung tidak hadir, Majlis Eksekutif perlu melantik seorang ahlinya menandatangani bagi pihaknya. Kira-kira cawangan hendaklah dijalankan mengikut Peraturan 32.

5. Bendahari perlu menyimpan/mengendali wang tunai, tidak melebihi lima puluh ringgit pada satu-satu masa. Tiada sebarang perbelanjaan melebihi dua puluh ringgit pada sesuatu masa perlu dikeluarkan tanpa kelulusan utama dari Majlis Eksekutif. Bendahari juga perlu menyediakan peruntukan kewangan bagi kelulusan di Persidangan Perwakilan Dwi-Tahunan dan semua perbelanjaan yang keluar melalui Kesatuan mestilah dalam had ditentukan/ditetapkan oleh peruntukan belanjawan. Perbelanjaan perlulah disemak dari semasa ke semasa dengan kelulusan utama dari keputusan Perwakilan dan persidangan atau dari surat pekeliling.

6. Semua harta Kesatuan perlu diberi mandat kuasa atas nama bersama dengan Pemegang-pemegang Amanah. Wang yang tidak diperlukan untuk urusan pentadbiran harian Kesatuan hendaklah:-

(a) digunakan untuk membeli atau menyewa untuk Kesatuan samada tanah atau bangunan dan, tertakluk kepada undang-undang bertulis atau pun undang-undang lain di mana ia bersabit Kesatuan boleh menjual, memindah milik, mengenakan bayaran atau menyewakan mana-mana tanah atau bangunan yang telah dibeli.

(b) dilaburkan kepada sebarang sekuriti atau pun kepada pinjaman ke atas sesuatu syarikat menurut undang-undang berkaitan atau berhubung dengan pemegang amanah.

(c) disimpan ke dalam Bank Simpanan Nasional atau di mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia atau syarikat kewangan yang merupakan syarikat subsidi sesuatu bank.

(d) dengan kelulusan rasmi bertulis dari Menteri Sumber Manusia dan tertakluk kepada sesuatu syarat yang dikenakan adalah diberi kuasa.

(i) di dalam mana-mana syarikat kerjasama berdaftar

(ii) di dalam mana-mana pengurusan perdagangan, perindustrian atau pertanian atau pengusahaan pengurusan bank, yang mana ditubuhkan dan menjalankan perniagaan di Malaysia. Kesemua pembelian dan pelaburan di bawah peraturan ini hendaklah mempunyai kuasa utama dari perwakilan persidangan dan hendaklah dibuat di bawah nama-nama yang digabungkan pemegang amanah yang memegang amanah bagi keseluruhan ahli Kesatuan.

7. Bendahari mesti memasukkan atau kena masukkan kira-kira Kesatuan ke dalam rekod kesemua resit pembayaran daripada kewangan Kesatuan dan jika meletak jawatan atau mengosongkan bangunan pejabat atau pekerjaan ketika atau sebelum hari pertama bulan Julai setiap tahun dan pada masa-masa lain yang mana dia dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis Eksekutif atau dengan resolusi para perwakilan Kesatuan, seperti semua kira-kira yang benar diterima dan dibayar olehnya bagi masa yang telah berlalu sejak dia memulakan tugas, atau sebelumnya pernah menyerahkan akaun seperti itu, sejak tarikh akhir dia menyerahkan akaun seperti itu, pada masa penyerahan bon, sekuriti, atau harta yang lain kepunyaan Kesatuan kepada jagaannya atau di bawah kawalannya.

8. Bentuk akaun itu akan ditentukan oleh Peraturan Buruh 1959. Kira-kira itu akan disahkan oleh badan berkanun, dan Kesatuan pula akan menyerahkan kira-kira untuk diaudit oleh seorang yang layak yang diiktiraf oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja. Setelah kira-kira itu diaudit, Bendahari Agung akan menyerahkannya kepada Pemegang Amanah Kesatuan, jika diperlukan oleh mereka bila rasakan perlu, jika kira-kira difikirkan lambat diberikan kepadanya, dan juga, jika diperlukan semua bon, sekuriti, perkakas, buku-buku, kertas dan harta kepunyaan Kesatuan kepadanya atau di bawah jagaannya atau di bawah kawalannya.

#### **PERATURAN 20: PEMERIKSAAN BUKU-BUKU DAN KIRA-KIRA**

Sesiapa yang mempunyai minat terhadap tabung Kesatuan boleh setelah memberi notis untuk memeriksa semua buku dan kira-kira Kesatuan dan nama-nama ahli-ahli pada masa yang muna- sabah di mana-mana tempat di mana segala rekod disimpan.

#### **PERATURAN 21: WANG KUTIPAN**

1. Majlis Eksekutif akan, selepas satu rumusan telah dikeluarkan oleh undi rahsia mengikut Peraturan 25, dikenakan bayaran kepada semua ahli-ahli Kesatuan, dan semua ahli-ahli (dengan pengecualian oleh Majlis Eksekutif seperti diperuntukkan dalam Peraturan 4 perenggan 5) akan memerlukan pembayaran wang.

2. Jika sebarang ahli gagal membayarnya dalam jangka masa enam minggu sejak dikenakan bayaran, atau lebih lama seperti yang ditentukan dalam rumusan, jumlahnya akan dianggap sebagai tunggakan bayaran bulanan Kesatuan dan ahli boleh didapati bersalah di bawah Peraturan 4.

#### **PERATURAN 22: PERTELINGKAHAN PERUSAHAAN**

1. Jika terdapat ahli yang inginkan tindakan diambil berkaitan dengan keadaan mereka sebagai pekerja ataupun perkara lain, dia akan memberitahu Setiausaha Cawangan, di mana yang perlu dengan bertulis tentang aduannya, dan Setiausaha Cawangan akan dengan segera melaporkan hal tersebut kepada Jawatankuasa Cawangan. Jika aduan ahli dibuat secara lisan, Setiausaha Cawangan akan menjadikannya bertulis dan akan menyerahkan salinan laporannya itu. Jawatankuasa Cawangan akan menentukan sama ada perkara itu boleh diambil tindakan di peringkat Cawangan atau ia harus diserahkan kepada Majlis Eksekutif.

2. Jika timbul pertelingkahan, ahli berkenaan akan membawa perkara itu kepada Setiausaha Cawangan, yang akan melaporkannya dengan segera butir-butir perkara kepada Jawatankuasa Cawangan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Cawangan akan sentiasa memberitahu Majlis Eksekutif segala kemajuan tentang pertelingkahan itu.

3. Tidak ada sebarang tindakan perusahaan akan diambil kecuali (a) Majlis Eksekutif atau Jawatankuasa Cawangan memberikan izin; (b) sekurang-kurangnya dua pertiga ahli-ahli yang terlibat berhak mengundi menyokong tindakan yang disebutkan; (c) hasil dari undi rahsia telah pun diberitahu kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dalam borang yang diberikan mengikut Peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Majlis Eksekutif atau Jawatankuasa Cawangan, seperti kesnya, tidak sepatutnya menyokong sebarang tindakan mogok, kewangan atau sebagainya, melainkan undi rahsia dibuat dan undi besar diperolehi menyokong akan tindakan tersebut.

4. Sebarang undi yang dibuat untuk tujuan tindakan perusahaan mengandungi rumusan yang menyatakan dengan terangnya corak tindakan perusahaan yang dicadangkan dan sebab-sebab tindakan itu diambil, dan undi tersebut boleh digunakan hanya untuk selama enam bulan bermula dari tarikh undi itu dibuat.

5. Sebarang kumpulan ahli yang mengambil sebarang jenis tindakan perusahaan yang bertentangan dengan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, atau peraturan-peraturan Kesatuan akan diberhentikan daripada menjadi ahli Kesatuan dan seterusnya ahli-ahli itu tidak layak menjadi ahli Kesatuan Sekerja melainkan disahkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

#### **PERATURAN 23: KERJA MENDIDIK**

Kesatuan boleh memberi pendidikan kepada ahli-ahlinya melalui pertemuan dan kelas-kelas. Ia juga boleh mencetak bahan-bahan karangan dan mengambil sebarang tindakan seperti itu kerana ia boleh menambahkan pengetahuan dalam bidang perusahaan, kebudayaan dan sosial, bergantung kepada peruntukan-peruntukan berkaitan dengan perbelanjaan tabung kesatuan sekerja sejak ia dimulakan.

#### **PERATURAN 24 : PERATURAN-PERATURAN DAN PEMBETULAN**

1. Sebarang pembedulan peraturan-peraturan yang menghasilkan pertambahan kemampuan para ahli untuk memberi sumbangan atau mengurangkan keuntungan kepada para ahli yang berhak akan dilakukan hanya jika ia disahkan oleh undi rahsia dari para ahli. Berdasarkan pada peruntukan ini, peraturan-peraturan mungkin akan diubah oleh para mesyuarat perwakilan seperti yang terkandung dalam Peraturan 9 atau Peraturan 10, atau melalui undi rahsia.

2. Setiap pembedulan pada Peraturan akan bermula dari tarikh pendaftaran oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja, kecuali tarikh yang terkemudian yang ditentukan dalam Peraturan-peraturan.

3. Satu salinan yang dicetak dalam tulisan roman bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, Peraturan-peraturan itu untuk sementara waktu, akan dipamerkan di tempat yang ditentukan supaya ia mudah dibaca di pejabat berdaftar Kesatuan itu dan akan disediakan oleh Setiausaha Agung kepada sesiapa sahaja yang meminta dengan membayarnya dengan sejumlah tidak melebihi satu ringgit.

#### **PERATURAN 25: UNDI SULIT**

1. Keputusan-keputusan mengenai perkara-perkara berikut mesti ditentukan dengan cara undi sulit dari kesemua ahli Kesatuan atau ahli-ahli berkenaan (di mana ia disediakan) tertakluk kepada peruntukan bahawa ahli-ahli yang belum mencapai umur 18 tahun tidak layak mengundi atas perkara-perkara (e), (d), (e), dan (h) di bawah:—

(a) pemilihan pegawai-pegawai Kesatuan (selain daripada Pemegang-pemegang Amanah mengikut per-aturan 12 dan 29).

(b) pemilihan perwakilan-perwakilan untuk persidangan tahunan atau persidangan luar biasa Kesatuan dan mengenai perkara-perkara berbangkit, sesuai dengan peraturan 9, atau wakil kepada Kesatuan-Kesatuan Sekerja.

(c) semua perkara yang ada kaitan dengan mogok sesuai dengan peraturan 22, perenggan 3.

(d) penentuan tentang pungutan derma.

(e) pindaan peraturan-peraturan Kesatuan di mana pindaan berkenaan akan mengakibatkan meningkatnya tanggungjawab ahli-ahli untuk menambah atau mengurangkan faedah-faedah kepada ahli.

(f) penggabungan dengan kesatuan sekerja yang lain atau pemansuhan dengan kesatuan sekerja yang lain.

(g) menyertai atau menubuhkan Persekutuan Kesatuan-kesatuan Sekerja.

(h) pembubaran Kesatuan.

2. Untuk tujuan pengundian sulit, peraturan yang diterangkan dalam tambahan (appendiks) peraturan-peraturan berkenaan mesti dipatuhi.

#### **PERATURAN 26: PERSELISIHAN**

1. Sebarang perselisihan di antara:-

(a) Ahli atau orang yang menuntut melalui seorang ahli atau di bawah Peraturan-peraturan, di satu pihak atas dirinya dan di satu pihak Kesatuan atau cawangannya atau Kesatuan, di satu pihak yang lain, atau

(b) Seseorang yang kecewa setelah dipecat dari menjadi ahli atau sebarang orang yang menuntut melalui orang yang kecewa di satu pihak atas dirinya dan di satu pihak yang lain dan Kesatuan atau mana-mana cawangannya atau pegawai Kesatuan atau

(c) Kesatuan dan pegawainya, atau

(d) mana-mana dua atau lebih cawangan Kesatuan dan sebarang pegawai Kesatuan masing-masing mesti ditentukan dengan merujuk kepada timbangtara dengan syarat bahawa dalam perselisihan berhubung dengan:

(a) pemilihan pegawai-pegawai Kesatuan atau

(b) akaun dan simpanan Kesatuan atau

(c) yang tidak adanya penyesuaian dengan Peraturan Kesatuan.

Pihak-pihak yang terlibat itu boleh dengan persetujuan bersama, merujuk perselisihan mereka kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja yang mana keputusannya adalah muktamad dan konklusif.

2. Ahli panel tetap yang terdiri tidak kurang dari lima penimbangtara, yang mana tidak ada seorang pun di antara mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan terhadap simpanan Kesatuan mesti dilantik oleh Persidangan Dwi-Tahunan para perwakilan dan sebarang kekosongan dalam jawatan itu mesti diisi ketika diadakan persidangan berikutnya.

3. Pihak yang membuat aduan mengenai sesuatu perselisihan atau seseorang yang dilantik oleh pihak tersebut akan memilih tiga nama dari penimbang-penimbang tara berkenaan melalui cara biasa dan ketiga-tiga nama pertama yang dipilih mesti menghakimi perselisihan tersebut.

4. Dalam peraturan ini, perkataan 'perselisihan' termasuklah sebarang perselisihan yang timbul atas persoalan sama ada seseorang ahli itu atau orang yang tidak puas hati, berhak untuk terus atau menyambung menjadi ahli atau diambil semula sebagai ahli. Namun begitu, adalah dijamin seperti yang disebut terdahulu bahawa dalam kes seseorang yang dipecat keahliannya, ia tidak melibatkan sebarang perselisihan melainkan perselisihannya dengan kesatuan atau pegawai kesatuan, yang timbul semasa menjadi ahli.

5. Rayuan boleh dibuat dalam Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan yang mana keputusannya adalah muktamad.

#### **PERATURAN 27: PEMBUBARAN**

1. Kesatuan tidak akan dibubarkan melainkan mendapat undi sekurang-sekurangnya 75 peratus dari ahli yang layak mengundi.

2. Sekiranya Kesatuan dibubarkan, kesemua hutang-piutang dan tanggungan-tanggungan lain akan diselesaikan secara mutlak dan baki yang dibebankan bagi pihak Kesatuan akan dihapuskan sepenuhnya dan baki tabung akan juga dihapuskan dengan cara yang sedemikian seperti yang akan ditentukan keatasnya oleh ahli-ahli melalui undi sulit.

#### **PERATURAN 28: PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN KESATUAN**

1. Majlis Eksekutif boleh menubuhkan cawangan dalam mana- mana kawasan di mana terdapat sekurang-kurangnya 15 ahli.

2. Majlis Eksekutif boleh membubarkan sesebuah cawangan:-

(a) Jika dalam tempoh enam bulan, keahlian sesebuah cawangan itu kurang dari 15 orang atau ;

(b) Jika cawangan enggan patuh kepada peraturan Kesatuan atau keputusan persidangan perwakilan atau pandangan yang diberikan oleh Majlis Eksekutif, mereka bersalah kerana mendatangkan kerugian kepada Kesatuan.

3. Keputusan untuk membubarkan sesebuah cawangan hendaklah dengan suara terbanyak dalam mesyuarat Majlis Eksekutif. Sebelum keputusan untuk membubarkan sesebuah cawangan dibuat berhubung dengan perkara yang tercatat dalam perenggan 2(b) di atas, cawangan berkenaan akan diberikan notis sehingga 31 hari untuk memberinya peluang menjawab segala tuduhan.

4. Sekiranya sesebuah cawangan itu diarahkan untuk dibubarkan berhubung dengan sebab-sebab yang tercatat dalam perenggan 2(a) di atas, Majlis Eksekutif akan memindahkan ahli-ahli yang ada ke cawangan terdekat. Manakala sesebuah cawangan

yang diarahkan untuk dibubarkan berhubung dengan sebab-sebab yang tercatat dalam perenggan 2(b) di atas, ahli-ahlinya akan digugurkan dari menjadi ahli kesatuan dan akan hilang haknya sebagai ahli.

5. Arahan untuk pembubaran itu akan ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Setelah menerima arahan sedemikian, fungsi cawangan berkenaan akan berhenti melainkan untuk tujuan penyelesaian.

6. Sesebuah cawangan yang merasa hampa dengan arahan pembubaran boleh, dengan notis, menulis kepada Setiausaha Agung dalam masa 30 hari setelah menerima arahan tersebut untuk diajukan rayuan kepada Persidangan Dwi-Tahunan Perwakilan. Dalam masa rayuan itu diproses, Majlis Eksekutif boleh melantik satu jawatankuasa dari kalangan ahli-ahlinya yang akan menjaga hal ehwal cawangan berkenaan. Tidak ada sebarang cawangan yang akan diwakili oleh peguam atau oleh seseorang yang bukan ahli tarikh pembubaran dibuat.

7. Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi, Setiausaha dan juga Bendahari cawangan berkenaan untuk menyerahkan kesemua buku, rekod-rekod, wang dan harta-harta lain yang dimilikinya, bersama salinan akaun cawangan dari tarikh terakhir akaun itu dihantar kepada Kesatuan sehingga tarikh pembubaran dibuat.

#### **PERATURAN 29: JAWATANKUASA CAWANGAN**

1. Sebuah Jawatankuasa Cawangan harus mengandungi satu Pengerusi Cawangan, satu Setiausaha Cawangan, satu Bendahari Cawangan, dan enam (6) ahli jawatankuasa.

**353/2/2010(1)-(2)**

2. Perwakilan Cawangan dan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan harus dipilih setiap dua tahun melalui undi sulit dan keputusan itu harus diumumkan di Persidangan Dwi-Tahunan cawangan itu. Jika seorang calon itu tidak ditandingi dan pelantikannya telah dibuat dalam cara yang ditentukan oleh Peruntukan 30.3, dia dianggap secara automatik dipilih dan namanya dikeluarkan dari kertas undi Cawangan dan Perwakilan Cawangan dan para pegawai cawangan. Perwakilan -perwakilan Jawatankuasa dan Jawatankuasa Cawangan akan dipilih melalui undi sulit dalam masa tiga bulan setelah kewujudan Cawangan dan sementara menunggu pemilihan itu Jawatankuasa Protem Cawangan dipilih dengan cara mengangkat tangan di Mesyuarat Agung merasmikan cawangan akan menyelesaikan semua perkara. Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan akan bertugas dari satu Mesyuarat Agung kepada Mesyuarat Agung yang lain: Dengan syarat jika di Mesyuarat Agung Tergempar satu cadangan undi 'tidak percaya' terhadap Jawatankuasa Cawangan diluluskan oleh dua pertiga, Jawatankuasa Cawangan akan serta merta memulakan tugas sebagai penjaga dan akan dalam masa sebulan Mesyuarat Agung Tergempar, diperlukan bagi mengadakan pemilihan para pegawai melalui undi sulit. Para pegawai dipilih dengan cara begini akan memegang jawatan hingga Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Bila pertukaran pegawai berlaku, pegawai yang keluar atau Jawatankuasa Cawangan akan, dalam tempoh seminggu, menyerahkan kepada pegawai baru atau Jawatankuasa semua rekod-rekod mengenai pejabatnya.

3. Tugas Jawatankuasa Cawangan ia mengendalikan hal-ehwal Cawangan mengikut Peraturan-peraturan Kesatuan dan arahan-arahan Majlis Eksekutif. Ia harus mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam empat bulan, dan setengah dari ahlinya akan memenuhi korum. Setiausaha Cawangan akan memberikan salinan minit setiap mesyuarat kepada Setiausaha Agung tidak lewat dari empat-belas hari (14) dari hari mesyuarat itu.

4. Pengerusi Cawangan dalam masanya memegang jawatan mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Cawangan dan semua mesyuarat-mesyuarat Cawangan dan mestilah bertanggungjawab ke atas tata tertib mesyuarat itu. Dia mempunyai undi penentu dan akan menandatangani minit setiap mesyuarat ketika ianya disahkan. Selaras dengan itu, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan mengusahakan kira-kira bank



Cawangan mengikut Peraturan 32 dan mengawasi pentadbiran keseluruhan hal ehwal Cawangan itu.

5. Setiausaha Cawangan mestilah menjalankan urusan dengan Cawangan mengikut Peraturan Kesatuan dan akan menjalankan arahan-arahan Majlis Eksekutif dan Jawatankuasa Cawangan. Dia akan bertanggungjawab dalam mengadakan semua surat-menyurat cawangan dan menyimpan semua buku-buku, dokumen dan kertas kepunyaan pejabat dalam keadaan yang diarahkan oleh Majlis Eksekutif atau Jawatankuasa Cawangan. Dia akan menyimpan atau sebab menyimpan senarai nama-nama dan alamat-alamat ahli-ahli Cawangan dan memberitahu Setiausaha Agung setiap perubahan jika ada. Dia akan mengadakan Mesyuarat Agung Cawangan atau Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan di bawah arahan atau pengesahan Jawatankuasa Cawangan dan akan menyimpan rekod perjalanannya mesyuarat itu. Dia akan, selaras dengan Pengerusi Cawangan dan Bendahari Cawangan, mengemaskini kira-kira bank cawangan itu.

6. Bendahari Cawangan bertanggungjawab dalam penerimaan wang dan pembayaran olehnya bagi pihak Kesatuan dan simpanan yang sempurna serta pengiriman buku kira-kira seperti yang dikehendaki oleh Peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Dia akan mengeluarkan resit rasmi kepada setiap pembayaran yang dibuat dan setiap wang yang diterima olehnya dan tidak ada sebarang pegawai lain atau pekerja lain Kesatuan di Cawangan yang akan menerima wang atau mengeluarkan resit-resit tanpa kebenaran yang tertentu dari Pengerusi Cawangan dengan cara bertulis pada setiap masa. Dia bertanggungjawab di atas simpanan segala buku kira-kira dan dokumen sampingan di pejabat Cawangan dan tidak akan mengalihkannya dari tempat rasmi pengurusan tanpa arahan tertentu dari Presiden Kesatuan dengan cara bertulis setiap masa. Dia selaras dengan Pengerusi Cawangan dan Setiausaha Cawangan, menguruskan akaun Cawangan. Dia secara persendirian bertanggungjawab di atas semua wang dan harta Kesatuan yang diluluskan dari tangannya.

### **PERATURAN 30: MESYUARAT AGUNG CAWANGAN**

1. Satu Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan akan diadakan dengan secepat mungkin selepas 31 Mac atau tidak lewat dari 30 Jun setiap tahun. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat akan ditentukan oleh Jawatankuasa Cawangan.

2. Notis awal tentang Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan itu yang menyatakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat dan permintaan mengadakan cadangan untuk dibincangkan di mesyuarat dan pemilihan bagi pegawai-pegawai utama seperti yang ditunjukkan dalam Peraturan 12.2, perwakilan Cawangan dan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan, akan dihantar oleh Setiausaha Cawangan kepada semua ahli sekurang-kurangnya dua-puluh lapan hari (28) sebelum tarikh mesyuarat ditetapkan.

3. Pencalonan untuk pilihanraya pegawai-pegawai utama seperti dalam Peraturan 12.2, pegawai-pegawai Cawangan dan perwakilan dan cadangan-cadangan untuk perbincangan di mesyuarat harus dihantar oleh para ahli kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya empat-belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Cawangan. Semua pencalonan mestilah dibuat dalam sebuah borang yang diarahkan oleh Kesatuan dan akan mengandungi perkara-perkara nama jawatan yang ditanding nama calon, nombor kad pengenalan, dan jumlah tahun yang pekerja itu sudah bekerja seperti ditentukan dalam Peraturan 3.1. Borang pencalonan mesti ditandatangani oleh pencadang dan penyokong, yang menjadi ahli yang layak, dan akan mempunyai hak membenarkan seseorang calon untuk bertanding. Semua borang pencalonan mestilah dikembalikan di dalam sampul surat yang bertutup rapi, dan hanya boleh dibuka oleh Setiausaha Agung di waktu pencalonan ditutup disaksikan oleh jemaah pemeriksa.

4. Setiausaha Cawangan akan menghantar kepada semua ahli-ahli Cawangan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat satu agenda termasuk cadangan-cadangan, salinan laporan dan kira-kira serta bilangan kertas undi yang diperlukan dan sampul surat untuk pemilihan Perwakilan Cawangan dan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan.

5. Satu perempat dari jumlah ahli-ahli yang boleh mengundi akan menjadi korum Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Cawangan.
6. Jika satu korum gagal hadir satu jam selepas masa yang ditentukan, mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak melebihi tujuh (7) hari yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Cawangan.
7. Jika satu korum gagal hadir satu jam selepas masa yang ditentukan bagi masa yang ditangguhkan, ahli-ahli yang hadir mempunyai kuasa meneruskan urusannya bagi hari itu.
8. Urusan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Cawangan, ialah untuk mengkaji kerja-kerja Cawangan tahun selepasnya, untuk memberi rumusan bagi dibincangkan di Mesyuarat Dwi-Tahunan Perwakilan, untuk memilih Jawatankuasa Cawangan dan perwakilan ke Mesyuarat Perwakilan Dwi-Tahunan dan untuk memikirkan dan menentukan semua perkara-perkara termasuk agenda. Mesyuarat juga akan melantik siapakah Juru Audit Dalam Cawangan.
9. Mesyuarat Agung Tergempar Cawangan akan diadakan:
  - (i) di atas arahan Majlis Eksekutif; atau
  - (ii) bila sahaja dirasakan perlu oleh Jawatankuasa Cawangan; atau
  - (iii) di atas permintaan bersama secara bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perempat dari jumlah ahli-ahli dengan memberikan sebab dan tujuan mesyuarat diadakan.
10. Mesyuarat yang diadakan oleh para ahli akan diadakan dalam masa empat belas (14) hari dari penerimaan tuntutan.
11. Notis dan agenda Mesyuarat Agung Tergempar Cawangan akan diutarakan oleh Setiausaha Cawangan kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.
12. Peruntukan berkenaan dengan korum dan penangguhan akan juga digunakan pada Mesyuarat Agung Tergempar Cawangan, tetapi dengan peruntukan bahawa jika tidak terdapat cukup korum satu jam selepas masa yang ditentukan bagi penangguhan Mesyuarat Agung Tergempar yang dituntut oleh ahli-ahli, mesyuarat akan dibatalkan dan tidak ada Mesyuarat Agung Tergempar yang boleh dituntut bagi tujuan yang sama sehingga jarak masa sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh tersebut.

### **PERATURAN 31: PENGAWAS-PENGAWAS**

31(1) Satu panel tetap terdiri daripada 5 pengawas-pengawas Cawangan yang tidak boleh berkhidmat sebagai pegawai-pegawai atau calon-calon untuk jawatan pegawai-pegawai dalam kesatuan, dan yang menetap di dalam kawasan pejabat Kesatuan, mestilah dipilih dengan cara mengangkat tangan di Mesyuarat Agung Cawangan yang pertama untuk menyelia semua undi sulit di peringkat Cawangan. Seorang pengawas memegang jawatan itu atas kehendak Kesatuan dan boleh digantikan di sebarang mesyuarat bila undi dijalankan. Sekurang-kurangnya dua pengawas mestilah berada di tempat di mana undi dijalankan. Mereka mesti memerhatikan bahawa peraturan yang dijelaskan di dalam Appendix Peraturan ini dipatuhi dan mesti mengesahkan keputusan undi.

**353/2/2010(1)-(2)**

31(2) Atas sebab kematian, penarikan diri atau diberhentikan sebelum Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Cawangan, kekosongan akan dilantik oleh Jawatankuasa Cawangan.

**353/2/2010(1)-(2)**

### **PERATURAN 32: SIMPANAN DAN AKAUN-AKAUN CAWANGAN**

1. Semua simpanan yang terkumpul di ibu pejabat atau cawangan-cawangan Kesatuan mesti menjadi harta bersama Kesatuan.
2. Majlis Eksekutif mesti memutuskan dari semasa ke semasa perbelanjaan-perbelanjaan yang dikeluarkan oleh sebuah cawangan sebagai simpanan cawangan.

3. Setiap Bendahari Cawangan mesti mengemukakan kepada Setiausaha Agung, sebelum 14 haribulan pada setiap bulan, yuran-yuran yang diterima oleh cawangan, setelah ditolak perbelanjaan-perbelanjaan atau potongan yang disahkan untuk disimpan sebagai simpanan cawangan. Bendahari Cawangan mesti mengemukakan kepada Setiausaha Agung, sebelum 14 hari bulan bagi setiap bulan satu kenyataan pendapatan dan perbelanjaan untuk bulan yang akan datangnya.

4. Semua simpanan cawangan mesti dimasukkan atas nama cawangan di dalam bank yang disahkan oleh Majlis Eksekutif dan akaun mesti dibuka bersama oleh Pengerusi Cawangan, Setiausaha Cawangan, dan Bendahari Cawangan. Bendahari Cawangan mesti membenarkan satu 'petty cash' tidak lebih daripada dua puluh lima ringgit di sesuatu masa, dan tidak ada perbelanjaan lebih daripada dua puluh lima ringgit (RM25) boleh dikeluarkan dalam sesuatu masa oleh Bendahari Cawangan, tanpa kebenaran Jawatankuasa Cawangan terlebih dahulu. Semua wang yang dimiliki oleh Kesatuan dan yang tidak meliputi 'petty cash' cawangan boleh dimasukkan oleh Bendahari Cawangan, dalam masa tujuh hari penerimaan ke dalam bank yang disahkan oleh Majlis Eksekutif.

**STOP HERE**

### **PERATURAN 33: JURU AUDIT DALAMAN CAWANGAN**

1. Dua orang Juru Audit Dalaman yang tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Cawangan, mesti dipilih dengan cara mengangkat tangan di mesyuarat agung cawangan. Mereka mesti memeriksa akaun-akaun cawangan di setiap penghujung empat bulan, dan mengemukakan satu salinan laporan itu kepada setiap ahli dalam masa empat belas (14) hari.

2. Kedua-dua juru audit dalaman mesti bertindak bersama di dalam menjalankan pemeriksaan dan mereka mesti mempunyai kebebasan terhadap semua buku dan dokumen yang diperlukan bagi tujuan pemeriksaan.

3. Sebarang ahli Kesatuan boleh mengadu secara bertulis kepada juru audit berhubung sebarang penyelewengan di dalam kewangan yang diketahui olehnya.

33(4) Atas sebab kematian, penarikan diri atau diberhentikan sebelum Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Cawangan, kekosongan akan dilantik oleh Jawatankuasa Cawangan.

**353/2/2010(1)-(2)**

---

**\* Bagi tujuan penafsiran dan jika berlaku perbalahan, Perlembagaan NUJ dalam bahasa Inggeris akan diambil sebagai dokumen sah.**

**\* For the purpose of interpretation and in cases of dispute, the English version of the NUJ Constitution shall be the legal document.**

### **Appendiks PERATURAN UNDI SULIT**

1. Majlis Eksekutif mesti menetapkan masa di mana undi Kesatuan iaitu undi daripada ahli-ahli Kesatuan dijalankan, dan ahli jawatankuasa cawangan mesti menetapkan masa di mana hanya undi cawangan, iaitu undi daripada ahli-ahli cawangan dijalankan. Dalam kes undi Kesatuan, Setiausaha Agung mesti memaklumkan kepada semua Setiausaha Cawangan dan mesti mengemukakan kepada mereka dalam masa yang munasabah jumlah kertas undi tersedia yang diperlukan dalam bentuk yang serupa mengikut Contoh A dan C.

Dalam kes undi cawangan, Setiausaha Cawangan mesti memeriksa supaya kertas undi yang diperlukan disediakan dalam bentuk serupa mengikut Contoh B atau C. Dalam kes kertas undi Contoh C, setiap satu yang dikeluarkan mesti mempunyai tanda undi berasingan.

2. Jawatankuasa setiap Cawangan mesti menetapkan tarikh, masa dan tempat pengundian dan mesti memberi semua ahli-ahli cawangan satu peluang yang munasabah untuk keluar mengundi.

3. Setiausaha Cawangan mesti memberi setiap ahli cawangannya yang layak, mengundi satu kertas undi yang mempunyai cap mohor cawangan atau tanda tangan Setiausaha Cawangan bersama-sama dengan satu sampul surat dialamatkan kepada Setiausaha Cawangan. Kertas undi itu mesti dikeluarkan melalui pos atau dengan tangan. Sekiranya ia dikeluarkan dengan tangan, setiap tandatangan individu penerima mestilah diambil sebagai bukti penyerahan. Sampul surat itu mestilah mengandungi perkataan-perkataan 'Kertas Undi' dan nombor keahlian tertulis di atasnya. Kertas undi dan sampul surat mesti dikemukakan kepada ahli dalam masa yang mencukupi bagi ahli berkenaan menyerahkannya semula kepada Setiausaha Cawangan, sebelum tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan.

4. Semua ahli mesti mempunyai pilihan mengundi melalui cara pos atau menghantarnya sendiri. Sekiranya seseorang ahli memilih untuk mengundi dengan cara pos, dia mesti menyerahkan kertas undi yang sudah ditanda, kepada Setiausaha Cawangan dalam cara yang dijelaskan dalam perenggan 9 di bawah ini, tetapi sekiranya ia memilih untuk menghantarnya sendiri, dia mesti membuat pengundian di Mesyuarat Agung dalam cara yang ditetapkan di bawah: Melainkan sekiranya Jawatankuasa Cawangan memutuskan bahawa tidak ada faedahnya mengadakan Mesyuarat Agung, tidak memberi peluang ahli mengundi secara perseorangan.

5. Setiap ahli berhak mengundi sesiapa yang hadir di Mesyuarat Agung dan sesiapa yang dengan cara menulis mengisytiharkan bahawa dia belum lagi menerima kertas undi melalui pos mesti menerima daripada Setiausaha Cawangan kertas undi yang mempunyai cap mohor Cawangan atau tandatangan Setiausaha Cawangan dan satu sampul surat yang mengandungi perkataan-perkataan 'Kertas Undi' dan nombor keahlian tertulis di atasnya.

6. Pengundian mesti dilaksanakan di bawah penyeliaan pengawas-pengawas Cawangan. Sekurang-kurangnya dua pengawas mesti hadir sepanjang masa. Sebelum sesuatu peti undi dikeluarkan untuk pembuangan undi, pengawas-pengawas mesti memeriksa untuk memastikan bahawa ianya kosong dan mereka mesti menguncinya dan menutupnya dan menyimpan kunci-kunci dalam simpanan mereka.

7. Pengawas-pengawas mesti diberi oleh Setiausaha Cawangan satu senarai ahli-ahli yang telah menerima kertas-kertas undi (dengan cara menghantarkannya sendiri atau dengan Daftar Keahlian dan Yuran-yuran:

(a) bahawa hanya ahli-ahli yang berhak mengundi sahaja telah atau diberi peluang berbuat demikian.

(b) bahawa setiap ahli hanya mengundi sekali sahaja atas setiap pengundian yang dijalankan.

(c) bahawa tidak ada ahli yang menghantar sendiri pengundiannya mengundi pula melalui pos, dan (d) bahawa ahli-ahli dapat mengundi mengikuti kemahuan mereka dan pengundian mereka, tanpa memberitahu undi mereka kepada orang lain.

8. Bila masa mengundi, dengan cara menyerahnya sendiri sampai, setiap ahli yang telah diberi satu kertas undi mesti masuk ke bilik atau bahagian dewan di mana peti undi diletakkan dan mencatatkan undinya dengan cara meletakkan pangkah atau beberapa pangkahan, mengikut mana yang wajar, dan tidak ada lain-lain tanda di atas kertas undi. Kemudian melipat kertas undi sekurang-kurangnya lipat dua, dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang telah diberi oleh Kesatuan, dia mesti memasukkannya ke dalam peti undi dan terus meninggalkan tempat pengundian.

9. Seseorang ahli yang mengundi melalui pos mesti menandakan kertas undinya dalam cara yang sama dan menyerahkannya, berlipat sekurang-kurangnya lipat dua, dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang disediakan ke dalam sampul, untuk tujuan kepada Setiausaha Cawangan dan sampai kepadanya sebelum tarikh pengundian yang ditetapkan. Setiausaha Cawangan mesti memasukkan semua kertas undi seperti itu tanpa dibuka, ke dalam bekas bertutup yang disediakan untuk tujuannya dan menyimpan bekas itu dengan selamat sehingga tarikh yang ditentukan, bila dia mesti menyerahkannya kemudiannya kepada pengawas-pengawas. Pengawas-pengawas mesti memasukkan sampul-sampul surat berkenaan yang mengandungi kertas-kertas undi ke dalam peti undi.

10. Bila ahli terakhir yang hadir yang berhak mengundi selesai mengundi, pengawas-pengawas, mengisytiharkan pengundian ditutup, dan kemudiannya mesti membuka peti undi untuk mengira pengundian dengan dihadiri sekurang-kurangnya tiga pegawai cawangan. Mereka, pertama sekali mesti memeriksa nombor keahlian di atas setiap sampul surat melalui senarai yang disediakan oleh Setiausaha Cawangan. Bila setiap sampul surat selesai diperiksa, nombor keahlian mesti dibuang dengan cara ia tidak akan dapat dibaca lagi dan sampul surat berkenaan tanpa dibuka dimasukkan ke dalam peti berkunci. Bila semua sampul surat selesai diperiksa, pengawas-pengawas mesti mengeluarkannya dari dalam peti, membuka sampul-sampul surat dan memasukkan setiap kertas undi, masih berlipat, ke dalam peti undi, apabila ini selesai, pengawas-pengawas mesti membuka peti undi dan mengira undi. Sekiranya pada pendapat sebarang pengawas-pengawas satu kertas undi itu tidak sah, ia mesti ditanda 'rosak' dan 'ditolak'.

11. Selepas semua undi dikira, pengawas-pengawas mesti disediakan satu kenyataan yang berlampiran, mengenai keputusan undi dan menyerahkan kedua-dua salinan, yang bertandatangan, kepada Setiausaha Cawangan. Kenyataan itu mesti ditandatangani sekali lagi oleh Pengerusi Cawangan dan satu salinan mesti diserahkan kepada Setiausaha Agung. Salinan yang satu lagi, mesti disimpan oleh Setiausaha Cawangan untuk masa sekurang-kurangnya enam bulan.

#### Contoh 'A'

Nama Kesatuan: Kesatuan Kebangsaan Wartawan, Semenanjung Malaysia.

N0: Pendaftaran: 321 Alamat: 30B, Jalan Padang Belia, 50470  
Kuala Lumpur, Tel: 603-22742867

### BORANG UNDI UNTUK PEMILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA

#### Bagaimana hendak mencatatkan undi anda

1. Anda berhak untuk merekod lapan undian, iaitu satu undi untuk Presiden, dua undi untuk Naib Presiden, satu undi untuk Setiausaha Agung, dua undi untuk Timbalan Setiausaha Agung, satu undi untuk Bendahari Agung dan satu undi untuk Timbalan Bendahari Agung.

2. Anda dikehendaki mencatatkan undi anda secara RAHSIA dengan meletakkan satu tanda pangkah iaitu 'X' dalam ruang yang disediakan bersententangan dengan nama-nama calon yang anda mahu dipilih. Tolong ambil perhatian, tidak ada tanda selain daripada 'X' harus ada pada kertas undi dan anda mesti memangkah tidak lebih daripada jumlah yang ditetapkan, jika tidak kertas undi anda akan ditolak sebagai rosak dan undi anda tidak akan diambil kira.

3. Selepas mencatatkan undi-undi anda (a) lipat kertas undi, sekurang-kurangnya lipat dua (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh Kesatuan dan (e) memasukkannya ke dalam peti undi di dalam bilik undi. Tetapi sekiranya anda mengundi melalui pos, kemukakan kertas undi, berlipat sekurang-kurangnya lipat dua, dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang disediakan dan mesti sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada ..... 20 .....

#### PRESIDEN

No.	Nama Calon	Pilih SATU Sahaja
1.		
2.		

**NAIB-PRESIDEN**

No.	Nama Calon	Pilih <b>DUA</b> Sahaja
1.		
2.		

**SETIAUSAHA AGUNG**

No.	Nama Calon	Pilih <b>SATU</b> Sahaja
1.		
2.		

**DUA TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG**

No.	Nama Calon	Pilih <b>DUA</b> Sahaja
1.		
2.		

**BENDAHARI AGUNG**

No.	Nama Calon	Pilih <b>SATU</b> Sahaja
1.		
2.		

**TIMBALAN BENDAHARI AGUNG**

No.	Nama Calon	Pilih <b>SATU</b> Sahaja
1.		
2.		

Cap mohor Kesatuan atau  
Tandatangan Setiausaha  
Agung

**Contoh B**

Nama Kesatuan: Kesatuan Kebangsaan Wartawan, Semenanjung Malaysia  
Nama Cawangan:  
No. Pendaftaran Kesatuan: 321  
Alamat Cawangan:

**BORANG UNDI UNTUK PEMILIHAN  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN PERWAKILAN-PERWAKILAN**

**Bagaimana hendak mencatat undi anda.**

1. Anda berhak mencatatkan ..... undi, iaitu setiap satu untuk Pengerusi Cawangan, Naib Pengerusi Cawangan, Setiausaha Cawangan, Penolong Setiausaha Cawangan, Bendahari, 6 undi untuk ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan dan ..... undi untuk perwakilan-perwakilan cawangan.

2. Anda dikehendaki mencatatkan undi secara RAHSIA dengan meletakkan satu tanda pangkah 'X' dalam ruang yang disediakan bersetentangan dengan nama-nama calon yang anda mahu pilih. Tolong ambil perhatian tidak ada tanda selain daripada 'X' harus ada pada kertas undi dan anda mesti memangkah tidak lebih daripada jumlah yang ditetapkan; jika tidak kertas undi anda akan ditolak sebagai rosak dan undi anda tidak akan diambil kira.

3. Selepas mencatatkan undi-undi anda, (a) lipat kertas undi, sekurang-kurangnya lipat dua; (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh Kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi di dalam bilik undi. Tetapi sekiranya anda mengundi melalui pos, kemukakan kertas undi, berlipat sekurang-kurangnya lipat dua, dan masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan, dan mesti sampai kepada Setiausaha Cawangan “ tidak lewat daripada ..... 20 .....

**PENGERUSI CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih SATU Sahaja
1.		
2.		

**NAIB PENERUSI CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih SATU Sahaja
1.		
2.		

**SETIAUSAHA CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih SATU Sahaja
1.		
2.		

**PENOLONG SETIAUSAHA CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih DUA Sahaja
1.		
2.		

**BENDAHARI CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih SATU Sahaja
1.		
2.		

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih ENAM Sahaja
1.		
2.		

**PERWAKILAN –PERWAKILAN CAWANGAN**

No.	Nama Calon	Pilih SATU Sahaja
1.		
2.		

Cap mohor cawangan atau  
Tandatangan Setiausaha

**Contoh C**

Nama Kesatuan: Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia

No. Pendaftaran: 321 Alamat: **30B, Jalan Padang Belia, 50470  
Kuala Lumpur, Tel: 6032272867**

**BORANG UNDI**

**Bagaimana hendak mencatatkan undi anda**

1. Anda berhak mengundi samada MENYOKONG atau MENENTANG cadangan berikut:—

(CATATKAN CADANGAN DI SINI)

2. Anda dikehendaki mencatatkan undi anda secara RAHSIA dengan meletakkan satu pangkah iaitu 'X' dalam ruang yang disediakan samada terhadap perkataan MENYOKONG ATAU MENENTANG sebagaimana yang anda bolch putuskan. Tolong ambil perhatian bahawa tidak ada tanda selain daripada 'X' harus ada pada kertas undi ini; jika tidak kertas undi anda akan ditolak sebagai rosak dan undi anda tidak akan diambil kira.

3. Selepas mencatatkan undi-undi anda (a) lipat kertas undi sekurang-kurangnya lipat dua, (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh Kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi di dalam bilik undi. Tetapi sekiranya anda mengundi melalui pos, kemukakan kertas undi, berlipat sekurang-kurangnya lipat dua, dan masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan, dan mesti sampai kepada Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada ..... 20 .....

**PILIH DI SINI**

MENYOKONG	
MENENTANG	

Cap mohor cawangan atau  
Tandatangan Setiausaha